

Resolusi Symposium IT Sabah perlu dimaklumkan kepada Kerajaan Sabah

UB 20.8.2019 A3

KOTA KINABALU: Hasil resolusi daripada Symposium IT Sabah 2019 perlu dimaklumkan kepada Kerajaan Sabah agar satu usaha akan diambil untuk memanfaatkan hasil berkenaan.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata, penganjuran symposium berkenaan adalah satu usaha yang baik dan sangat dialu-alukan.

“Symposium ini adalah melibatkan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS), Sabah.Net dan Jabatan Perkhidmatan Komputer Sabah.

“Penganjuran ini membolehkan kita merungkai isu-isu terbabit dan juga cabaran yang ada bagi memastikan kita tahu serta maklum apa sebenarnya masalah timbul atau berkisar dalam kalangan masyarakat dan juga pemain dalam industri.

“Kita sedar revolusi industri 4.0 ini adalah sesuatu yang kita perlu ketahui untuk terbabit secara



KENANGAN: Shafie (lima kanan) dan Taufiq (empat kanan) serta tetamu kehormat lain merakamkan gambar kenangan bersama rakan-rakan strategik UMS.

langsung,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan Symposium IT Sabah 2019, di sini semalam.

Beliau berkata, sekiranya negeri ini gagal menyertai dalam kemajuan berkenaan, sudah pasti usaha ke arah menjadikan Sabah berasaskan perindustrian akan ketinggalan.

Katanya, kerajaan sedar sistem yang sedia ada mungkin akan lapuk dalam jangka masa terdekat, sekiranya tidak dapat menyesuaikan diri dengan ilmu pengetahuan dan keupayaan dalam industri baharu itu, Sabah sudah pasti akan ketinggalan.

“Hari ini kita dapati surat khabar tidak lagi dibeli

orang sebaliknya boleh dibaca menerusi atas talian. Seseorang itu tidak lagi perlu ke pusat beli-belah membeli barangan tetapi menempahnya menerusi perkhidmatan atas talian.

“Semua ini menyedarkan kita untuk menyediakan bukan sahaja prasarana infrastruktur tetapi juga

polisi dasar dan insentif bagi membolehkan kita melahirkan tenaga manusia serta usahawan yang ingin melabur dalam sektor ini,” katanya.

Menurutnya, pelbagai inisiatif sudah dilakukan oleh kerajaan dan swasta seperti mana syarikat telekomunikasi dalam negara ini yang sememangnya terlibat secara langsung dengan industri 4.0.

Katanya, Sabah.Net, Warisan Harta dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (Sedco) boleh memainkan peranan agar prasarana yang disediakan dapat mempermudah pemain industri mendapat manfaat sebaik mungkin.

“Bagaimanapun, kita juga perlu lihat dan pastikan peluang pekerjaan dapat dilahirkan selaras dengan perkembangan berkenaan,” katanya.

Hadir sama ialah Naib Canselor UMS Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin serta tetamu kehormat yang lain.

-Oleh Yap Siong Han